

JMT pantau projek usaha sama dengan penduduk

SA 29/01/10 ms T8

Program turun padang dan lawatan ke tapak projek menjadi agenda utama pihak pengurusan, terutama penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi memastikan setiap projek berjaya mencapai hasil terbaik.

Naib Canselor UMT, Profesor Dr Aziz Deraman berkata, setiap program dilaksanakan dengan usaha sama daripada penduduk setempat akan diberi perhatian bagi mengetahui permasalahan yang berlaku.

Ini sebab, kebanyakan projek seperti penternakan ikan dan tanaman sayur-sayuran dilakukan bersama orang ramai akan dipantau setiap masa kerana mereka tidak mempunyai kepakaran khusus mengenai sesuatu bidang.



- Dalam program turun padang, pihak UMT akan mendengar dan menilai kelemahan yang ada, selain mengambil tindakan serta menghulurkan bantuan segera.